

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 16 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                               | <b>Akhbar</b>     |
|------------|------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1          | UTM cipta mesin tapis air mudah alih                       | Utusan Malaysia   |
| 2          | UTM cipta alat penapis air untuk kegunaan mangsa banjir    | Kosmo             |
| 3          | UTM bekal penapis air ciptaan sendiri                      | Sinar Harian      |
| 4          | UTM bekal penapis air ciptaan sendiri kepada mangsa banjir | Bernamea.com      |
| 5          | Kurang sokongan industri halangan pertumbuhan R&D          | Bernamea.com      |
| 6          | MOSTI beri khidmat percuma pulih semula data               | Berita Harian     |
| 7          | MOSTI cadang beli 30 mesin penapis air mudah alih          | Harian Metro      |
| 8          | Harian Metro raih anugerah CyberSecurity                   | Harian Metro      |
| 9          | Media Prima paling sokong CyberSecurity                    | Berita Harian     |
| 10         | NST wins online media award                                | New Straits Times |
| 11         | Perbankan digital pertama HLISM dibuka di Cyberjaya        | Utusan Malaysia   |
| 12         | HLISB lancar cawangan berkonsep baharu                     | Berita Harian     |
| 13         | Tambah cawangan konsep digital                             | Sinar Harian      |
| 14         | Out of the floods and into the drought                     | The Star          |
| 15         | New attire for pupils                                      | The Star          |
| 16         | Valuation of Earth's biodiversity, ecosystem               | New Straits Times |





EWON EBIN (kiri) minum air daripada mesin penapis air, *Ultrafiltration/Reverse Osmosis Plant* sambil diperhatikan Wahid Omar (tiga dari kiri) di SK Kampung Acheh, Pekan, Pahang, semalam. Turut kelihatan Sheikh Muszaphar Shukor (dua dari kanan). - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

Hasilkan air bersih 5,000 liter dalam masa satu jam

# UTM cipta mesin tapis air mudah alih

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA  
shofi.isa@utusan.com.my

■ PEKAN 15 JAN.

MESIN penapis air yang dapat menghasilkan air bersih ketika berlakunya bencana seperti banjir merupakan teknologi terbaharu yang dicipta Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Pusat Penyelidikan Teknologi Membran Termaju (AMTEC) universiti berkenaan.

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) mesin diberi nama *Ultrafiltration/Reverse Osmosis Plant* itu diketuai Pengarah AMTEC, Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Ahmad Fauzi yang pernah menerima Anugerah Saintis dan Teknologis Muda Asean pada 2001 dan penerima Anugerah Merdeka 2014 berkata, R&D bagi penghasilan mesin penapis air mudah alih itu dimulakan kira-kira tiga tahun lalu

bersama lima penuntut ijazah Doktor Falsafah (PhD) AMTEC.

Menurutnya, mesin yang beroperasi menggunakan generator itu mampu menghasilkan sekitar 5,000 liter air bersih dalam masa satu jam untuk kegunaan 2,000 orang sehari tanpa perlu dimasak.

"Sistem penapisan yang digunakan ini boleh menghasilkan air minuman yang bersih dan selamat dengan lebih mudah serta pantas bagi membantu mangsa.

"Air yang ditapis akan melalui lima modul atau peringkat rawatan iaitu pra-rawatan, turasan-ultra, osmosis berbalik, sinaran ultraviolet (UV) dan bahan pelembut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis pelancaran mesin penapis air tersebut yang disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Acheh, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur; Naib Canselor

UTA, Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid Omar dan Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor.

Sementara itu, Ahmad Fauzi yang juga Dekan Penyelidikan, Penyelidik Bersekutu, Bahan dan Pembuatan UTM berkata, teknologi osmosis berbalik dan turasan-ultra yang digunakan membolehkan mesin penapis itu merawat air dari pelbagai sumber termasuk air laut, payau dan air yang keruh.

"Sementara itu, sinaran UV pula digunakan bagi membunuh bakteria dan virus yang terdapat dalam air yang diproses," katanya.

Dalam pada itu, katanya, mesin berkenaan merupakan 100 peratus menggunakan teknologi tempatan dan pemasangannya dibuat di UTM sendiri.

"Kita mencadangkan kerajaan menyediakan sekurang-kurangnya 10 set mesin ini di setiap negeri bagi membantu rakyat mendapatkan bekalan air bersih dengan kadar segera jika bencana seperti banjir berlaku," katanya.

Bencana  
Banjir





**KERATAN AKHBAR**  
**KOSMO (JUMAAT) : MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 16 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

## UTM cipta alat penapis air untuk kegunaan mangsa banjir



**PEKAN** - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) semalam membekalkan alat penapis air untuk mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Padang Aceh di sini.

MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin (empat dari kanan) mencuba mesin ciptaan Dr. Ahmad Fauzi sambil diperhatikan Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Dr. Wahid Omar (tiga dari kanan) di Pekan semalam.

Mesin penapis itu dibangunkan Pusat Penyelidikan Teknologi Membran Termaju (AMTEC) UTM bagi kemudahan merawat air semasa berlaku bencana alam.

Hasil inovasi pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan dan Sumber Asli UTM, Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi Ismail itu mampu menghasilkan sekitar 5,000 liter air bersih dalam masa satu jam untuk kegunaan 2,000 orang sehari tanpa airnya perlu dimasak.

"Sistem penapisan yang digunakan ini boleh menghasilkan

air minuman yang bersih dan selamat dengan lebih mudah serta pantas bagi membantu mangsa," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Fauzi berkata, mesin penapis itu boleh merawat air dari pelbagai sumber termasuk air laut, payau dan keruh.

Beliau mengesyorkan agar disediakan sekurang-kurangnya 10 set mesin berkenaan di setiap negeri bagi membantu orang ramai mendapat bekalan air bersih semasa banjir atau kemarau.



## UTM bekal penapis air ciptaan sendiri

PEKAN - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini membekalkan alat penapis air untuk mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Padang Aceh di sini.

Mesin penapis itu dibangunkan Pusat Penyelidikan Teknologi Membran Termaju (AMTEC) UTM bagi kemudahan merawat air semasa berlaku bencana alam.

Ia dicipta Prof Madya Dr Ahmad Fauzi Ismail dari Fakulti Kejuruteraan dan Sumber Asli UTM yang mampu menghasilkan sekitar 5,000 liter air bersih dalam masa satu jam untuk kegunaan 2,000 orang sehari tanpa airnya perlu dimasak.

"Sistem penapisan yang digunakan ini boleh menghasilkan air minuman yang bersih dan selamat dengan lebih mudah serta pantas bagi membantu mangsa," katanya kepada pemberita.

Turut hadir pada majlis penyerahan alat **tersebut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin** dan Naib Canselor UTM, Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar.

Mengulas lanjut, Ahmad Fauzi berkata mesin penapis itu boleh merawat air dari pelbagai sumber termasuk air laut, payau dan keruh.

Beliau mengesyorkan agar disediakan sekurang-kurangnya 10 set mesin itu di setiap negeri bagi membantu orang ramai mendapat bekalan air bersih semasa banjir atau kemarau. - Bernama



## UTM Bekal Penapis Air Ciptaan Sendiri Kepada Mangsa Banjir

PEKAN, 15 Jan (Bernama) -- Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) hari ini membekalkan alat penapis air untuk mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Padang Acheh di sini.

Mesin penapis itu dibangunkan Pusat Penyelidikan Teknologi Membran Termaju (AMTEC) UTM bagi kemudahan merawat air semasa berlaku bencana alam.

Ia dicipta Prof Madya Dr Ahmad Fauzi Ismail dari Fakulti Kejuruteraan dan Sumber Asli UTM yang mampu menghasilkan sekitar 5,000 liter air bersih dalam masa satu jam untuk kegunaan 2,000 orang sehari tanpa airnya perlu dimasak.

"Sistem penapisan yang digunakan ini boleh menghasilkan air minuman yang bersih dan selamat dengan lebih mudah serta pantas bagi membantu mangsa," katanya kepada pemberita.

Turut hadir pada majlis penyerahan alat tersebut [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin](#) dan Naib Canselor UTM, Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar.

Mengulas lanjut, Ahmad Fauzi berkata mesin penapis itu boleh merawat air dari pelbagai sumber termasuk air laut, payau dan keruh.

Beliau mengesyorkan agar disediakan sekurang-kurangnya 10 set mesin itu di setiap negeri bagi membantu orang ramai mendapat bekalan air bersih semasa banjir atau kemarau.

-- BERNAMA





## Kurang Sokongan Industri Halangan Pertumbuhan R&D

CYBERJAYA, 15 Jan (Bernama) -- Kurangnya sokongan daripada penggiat industri merupakan halangan dalam pengkomersilan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D), kata [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#).

Beliau berkata ramai penduduk Malaysia mampu melakukan inovasi, namun industri kurang yakin terhadapnya dan memandang negatif produk tempatan.

"Justeru, hanya lapan peratus produk inovasi yang dibiayai kementerian itu dikomersilkan tahun lepas," katanya, "pada pelancaran cawangan Konsep Baharu Hong Leong Islamic Bank di sini hari ini.

"Ramai yang sangat inovatif dan kerajaan memberikan banyak geran kepada golongan kreatif ini, namun industri tidak memberikan sokongan mencukupi untuk kumpulan ini," katanya.

Beliau berkata menerusi pelaksanaan dasar 'beli balik' mulai tahun ini, kementerian berharap dapat memberi sokongan tambahan kepada pereka cipta tempatan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memenuhi matlamat kadar pengkomersilan 15 peratus menjelang 2020.

"Menerusi dasar ini, kami akan memberi geran kepada mereka dan membeli balik produk yang sudah diwujudkan untuk diberikan kepada agensi kerajaan yang lain dan digunakan di sekolah atau universiti," katanya.

Abu Bakar berkata inisiatif ini merupakan kaedah untuk menarik pelabur baharu bagi mengkomersilkan produk R&D yang mempunyai impak tinggi ke atas industri.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 7**  
**TARIKH: 16 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

## **MOSTI beri khidmat percuma pulih semula data**

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memberi khidmat percuma kepada mangsa banjir untuk memulihkan semula data dari peralatan elektronik mereka yang terjejas akibat bencana berkenaan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, berkata setakat ini belum ada permohonan diterima berhubung kehilangan data kerana mangsa kini lebih mengutamakan bantuan lain seperti makanan dan tempat tinggal.

"Bagaimanapun, MOSTI sudah bersedia jika diminta membantu mangsa banjir memulihkan data selepas mereka selesai menguruskan perkara asas lain," katanya ketika ditemui pada Majlis Penghargaan Media CyberSecurity Malaysia, di sini semalam.

### **Mesin penyulingan air**

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menghasilkan mesin penyulingan air mudah alih dengan nilai kos RM400,00 seunit bagi membantu mangsa banjir mendapatkan bekalan air bersih yang diproses dari air sungai atau sumber bawah tanah.

"Produk ini mampu membekalkan air bersih kepada 3,000 penduduk, bukan saja ketika banjir, malah pada musim kemarau. Ia dihasilkan oleh kepakaran tempatan sepenuhnya sudah memperoleh 100 anugerah inovasi dan dicadang ditempatkan di 30 kawasan berisiko banjir seluruh negara," katanya.

### **Yayasan Nurjiwa**

Sementara itu, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) bersama Rejimen Pakar Pengendalian Air ke-60 (RPPA-60), Rejimen Askar Jurutera Diraja Askar Wataniah (AW), semalam menerima sumbangan barang keperluan untuk mangsa banjir seperti sejadah, telekung, kain pelikat dan al-Quran daripada Yayasan Nurjiwa.

Majlis di ibu pejabat SYABAS, di sini, dihadiri oleh Brig Jen (Kehormat) RPPA-60 AW, Tan Sri Rozali Ismail yang juga Pengerusi Eksekutif SYABAS yang menerima sumbangan barangan keperluan bernilai RM310,000 daripada Pengarah Yayasan Nurjiwa, Datuk Siti Nurhaliza Taruddin untuk mangsa banjir di Terengganu.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 54**  
**TARIKH: 16 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

## **MOSTI cadang beli 30 mesin penapis air mudah alih**

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bercadang membeli 30 mesin penapis dan membersihkan air mudah alih bernilai RM12 juta untuk kegunaan mendapatkan bekalan air bersih mangsa bencana alam khususnya banjir.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad

Dia berkata, alat yang menggunakan teknologi membran itu dibangunkan sekumpulan penyelidik di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sejak 1998 menggunakan peruntukan MOSTI RM700,000.

"Mesin ni berupaya menyedut air daripada pelbagai sumber seperti banjir, sungai dan perut bumi sebe-

lum ia diproses menghasilkan air bersih yang selamat diminum 2,000 hingga 3,000 orang setiap mesin.

"Ia seberat satu tan dan boleh diangkat menggunakan lori muatan satu tan untuk ditempatkan di mana-mana saja dan MOSTI melihat keperluan ini penting membantu mangsa banjir seperti yang berlaku

baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penghargaan Media CyberSecurity Malaysia 2014 di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Jeneral (B) Tan Sri Mohd Azumi Mohammed dan Ketua Pegawai Eksekutif CyberSe-

curity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata, mesin itu diuji di Pekan, Pahang, kelmarin dan mendapati penggunaannya memberangsangkan bukan saja boleh digunakan pada waktu banjir, malah ketika kemarau.

"Mesin berharga RM400,000 sebuah yang

menggunakan sepenuhnya teknologi tempatan ini mampu membunuh bakteria membuatkan air sungai atau yang digali dari bawah tanah selamat diminum.

"Ia mendapat 100 anugerah dari seluruh dunia dan harga yang dibeli itu mengambil kira kos penyelenggaraan lima tahun bagi mengelak masalah," katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 8**  
**TARIKH: 16 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

## Harian Metro raih anugerah CyberSecurity

**Kuala Lumpur:** Akhbar Harian Metro menerima Anugerah Media Percetakan Yang Paling Menyokong bagi kategori akhbar Media Paling Menyokong CyberSecurity Malaysia 2014 yang diadakan dalam satu majlis penghargaan, di sini, semalam.

Anugerah berkenaan disampaikan Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah kepada Pengerusi Eksekutif (Berita dan Hal Ehwal Semasa) Harian Metro Shariffudin Mohamed.

Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah CyberSecurity

Malaysia, Jeneral (B) Tan Sri Mohd. Azumi Mohammed berkata, ancaman siber yang kian berkembang memerlukan pembabitkan semua pihak termasuk kerajaan, penguatkuasaan undang-undang, sektor swasta dan setiap lapisan masyarakat bagi memastikan persekitaran siber yang selamat.

"Usaha CyberSecurity mendekati sektor awam dan swasta bagaimanapun, tidak mungkin tercapai tanpa kerjasama padu daripada industri media di Malaysia.

"Ketepatan informasi juga menjadi semakin men-

cabar dengan kebangkitan media dalam talian yang membolehkan ia dikongsi orang ramai dalam sekelip mata," katanya

ketika berucap pada majlis berkenaan.

Sementara itu, Rumpunan Media Prima Berhad turut dinobatkan menerima Anugerah Syarikat Media Paling Menyokong dan New Straits Times Dalam Talian untuk kategori Media Atas Talian Yang

**"Usaha CyberSecurity tidak tercapai tanpa kerjasama daripada industri media"**

Mohd Azumi Mohammed



DR Abu Bakar (dua dari kanan) menyerahkan anugerah kepada Shariffudin sambil diperhatikan Mohd Azumi (dua dari kiri), semalam.

Paling Menyokong. Bagi Anugerah Media Penyiaran Yang Paling Menyokong pula, dua penerima

adalah TVI RTM bagi kategori penyiaran dan BERNAMA Radio 24 kategori radio.

Dalam pada itu, Compu-

terworld Malaysia turut menerima Anugerah Media Percetakan Paling Menyokong bagi kategori majalah terbitan berkala.



# Media Prima paling sokong CyberSecurity



Abu Bakar (tengah), Mohd Azumi (tiga dari kiri) bersama Pengarang Online New Straits Times, Badrol Hisham Bidin (dua dari kanan) dan Pengarang Eksekutif Berita dan Hal Ehwal Harian Metro, Shariffuddin Mohamed (kiri) pada **Majlis Penghargaan CyberSecurity Malaysia** di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/ BH]

## » Kumpulan terima anugerah bukti komitmen

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Wan Noor Hayati Wan Alias  
bhbiz@bh.com.my

**K**umpulan Media Prima Bhd (MPB) dinobatkan sebagai Syarikat Media Paling Menyokong CyberSecurity Malaysia pada tahun 2014 dalam satu majlis penghargaan yang berlangsung

di Kuala Lumpur, semalam.

### Enam anugerah

Selain MPB, akhbar harian dalam kumpulan itu, Harian Metro turut menerima anugerah Media Cetak Paling Menyokong (Surat khabar) CyberSecurity Malaysia dan portal berita dalam talian, New Straits Times Online menerima anugerah Media Dalam Talian Paling Menyokong CyberSecurity Malaysia 2014.

Sebanyak enam anugerah kategori media dipertandingkan tahun lalu termasuk Media Cetak Paling Menyokong (Majalah/Terbitan Berkala); Media Penyiaran Paling Menyokong

(TV); dan Media Penyiaran Paling Menyokong (Radio).

Majlis penyampaian anugerah itu disempurnakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Yang hadir sama ialah Pengurus Ahli Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Tan Sri Mohd Azumi Mohammed dan Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab.

Ketika berucap, Dr Abu Bakar berkata, dengan ancaman siber semakin berleluasa, ia memerlukan pembabitkan semua pihak termasuk pihak kerajaan, pen-

guat kuasa undang-undang, sektor swasta dan rakyat bagi memastikan persekitaran siber yang selamat.

"Usaha CyberSecurity Malaysia mendekati sektor awam dan swasta tidak mungkin dapat dicapai tanpa kerjasama padu dan pembabitkan industri media di Malaysia," katanya.

### Ketepatan maklumat

Sementara itu, Mohd Azumi berkata, ketepatan laporan media adalah perkara asas dalam etika kewartawanan.

Katanya, laporan yang tidak tepat boleh menjejaskan nilai berita dan mengelirukan rakyat.

"Ketepatan maklumat semakin mencabar kerana berita kini disiarkan menerusi internet. Dengan kebangkitan media baharu, berita terkini boleh dikongsi dengan rakyat dengan lebih pantas. Justeru, agensi berita harus memastikan laporan yang disiarkan adalah tepat dan faktanya diakui sah," katanya.

Pada majlis sama, CyberSecurity Malaysia turut menyampaikan pensijilan keselamatan maklumat kepada 92 organisasi di negara ini.

CyberSecurity Malaysia iaitu pusat pakar keselamatan siber di bawah MOSTI melaksanakan pemeriksaan dan pengauditan sebelum mengeluarkan pensijilan itu menerusi Badan Pensijilan Keselamatan Maklumat (ISCB).

Dalam perkembangan sama, Mohd Azumi berkata, Malaysia berada pada kedudukan ketiga dunia bersama Australia dan Oman daripada 193 negara ahli Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) sebagai negara yang memberi komitmen tinggi dari segi keselamatan siber berdasarkan Indeks Keselamatan Siber Sedunia yang dikeluarkan Disember lalu.



**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 16 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

## NST wins online media award

**KUALA LUMPUR:** The *New Straits Times* Online was chosen as the 2014 Most Supportive Online Media by CyberSecurity Malaysia, the cyber security specialist agency under the Science, Technology and Innovation Ministry, yesterday.

Media Prima Group was voted as the Most Supportive Media Company while *Harian Metro* walked away with the Most Supportive Print Media — Newspaper award.

NST Online editor Badrolhisham Bidin received the award from

Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Chairman of the CyberSecurity board of directors General Tan Sri Mohd Azumi Mohamed said the awards were given to the media for their support of accuracy in jour-

nalism. He said journalists must continue to raise awareness about cyber security issues through articles and programmes.

"Inaccurate reporting can undermine important news stories and mislead the public."

# Perbankan digital pertama HLISB dibuka di Cyberjaya

**CYBERJAYA 15 Jan.** - Hong Leong Islamic Bank Bhd. (HLISB) yang merupakan sayap perbankan Islam Hong Leong Bank Bhd. (HLB) membuka cawangannya yang pertama menggunakan konsep perbankan digital di Cyberjaya.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif HLISB, Raja Teh Maimunah Raja Abdul Aziz berkata, cawangan baharu yang beroperasi selama 12 jam bermula pukul 10 pagi setiap hari memberi peluang kepada pelanggan menggunakan perbankan digitalnya secara meluas.

Beliau berkata, menerusi perkhidmatan yang disediakan setiap pelanggan boleh menikmati perbankan yang bukan sahaja cekap malah ringkas, pantas dan dinamik.

"Di cawangan ini pelanggan boleh membuka akaun bank tanpa perlu mengisi borang sebaliknya hanya menggunakan kad

pengenalan. Pelanggan juga akan merasai pengalaman menggunakan pelbagai produk digital dan elektronik seperti kemudahan skrin sentuh, iPads serta persidangan video," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas pelancaran cawangan konsep baharu HLISB di pusat belian D'Pulze, Cyberjaya di sini hari ini. Yang hadir sama, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah serta Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan HLB, Tan Kong Khoon.

Raja Teh Maimunah berkata, cawangan baharu itu merupakan cawangan HLISB yang kesembilan di seluruh negara dan pihaknya bercadang membuka sebuah lagi konsep perbankan digital dalam suku kedua tahun ini di Lembah Klang.

Beliau berkata, fokus pihaknya pada masa sekarang ialah membuka cawangan-cawangan baharu yang menggunakan konsep tersebut sepenuhnya manakala, sistem di cawangan sedia ada akan ditukar secara berperingkat.

Pada masa sama, Raja Teh Maimunah berkata, HLISB merupakan perbankan Islam pertama yang menyediakan perkhidmatan pemindahan wang secara mudah alih menerusi Hong Leong Connect dengan menggunakan pelbagai platform dan peranti, perbankan atas talian, telefon mudah alih dan tablet.

Katanya, menerusi ciri utama Hong Leong Connect iaitu PEX (pembayaran ekspres) pelanggan bank tersebut boleh menggunakan aplikasi Connect untuk mengirim wang kepada sesiapa sahaja menerusi nombor telefon bimbit mereka dengan mudah dan pantas.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kanan) menunjukkan tanda bagus bersama Raja Teh Maimunah dan Tan Kong Khoon (kanan) pada majlis pelancaran cawangan baru Hong Leong Islamic Bank di Cyberjaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN



**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B6**  
**TARIKH: 16 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

## **HLISB lancar cawangan berkonsep baharu**

**Hong** Leong Islamic Bank (HLISB) menjadi institusi perbankan pertama di Malaysia yang memperkenalkan platform perbankan digital baharu melalui pembukaan cawangan konsepnya di Cyberjaya.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan HLISB, Raja Teh Maimunah Raja Abdul Aziz, berkata inisiatif pendigitalan bank itu adalah sebahagian usaha bagi mencapai asas pelanggan yang lebih luas dan tidak hanya bergantung kepada pengembangan infrastruktur fizikal sahaja.

### **800,000 pelanggan**

HLISB, adalah anak syarikat milik penuh Hong Leong Bank Bhd dan mempunyai sembilan cawangan di seluruh negara dengan lebih daripada 800,000 pelanggan sejak ia memulakan operasi dalam Julai 2005.



**“Kami amat berbangga untuk memperkenalkan cawangan berkonsep baharu ini yang mana menggunakan sistem teknologi maklumat yang canggih”**

**Raja Teh Maimunah Raja Abdul Aziz,**  
Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan HLISB

menikmati kemudahan operasi selama 12 jam, tujuh hari seminggu,” katanya.

“Kos cawangan baharu ini dan pelaksanaan operasinya adalah separuh daripada bank tradisional sedia ada,” katanya kepada media selepas pelancaran Cawangan Konsep Baharu HLISB oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah di Cyberjaya, semalam.

“Kami amat berbangga untuk memperkenalkan cawangan berkonsep baharu ini yang mana menggunakan sistem teknologi maklumat yang canggih di mana pelanggan boleh

### **Teknologi perbankan layan diri**

Cawangan itu menyediakan teknologi perbankan layan diri untuk mereka yang suka kepada pengalaman perbankan yang mudah dan cepat, juga melayan pelanggan yang mahukan kemudahan perbankan peribadi.

Lebih daripada 60 peratus rakyat Malaysia adalah pengguna telefon pintar dan ini menunjukkan terdapat keperluan untuk memudahkan produk dan perkhidmatan supaya relevan dengan pelanggan hari ini.

“Fokus sebelum ini telah ditingkatkan untuk pembangunan saluran digital dan mudah alih, termasuk penjenamaan semula Jenama Konsep Hong Leong yang melengkapi struktur cawangan konsep HLISB,” katanya.

Katanya, HLISB akan memperkenalkan satu lagi cawangan konsep di Klang dalam tempoh empat bulan dan berhasrat untuk mendigitalkan semua cawangannya pada masa akan datang.

**BERNAMA**

KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 18  
TARIKH: 16 JANUARI 2015 (JUMAAT)



(Dari kiri) Raja Teh Maimunah, Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah dan Pengarah Urusan Kumpulan Hong Leong, Tan Kong Khoon ketika pelancaran cawangan konsep digital HLIB yang pertama di Cyberjaya.

## Tambah cawangan konsep digital

HONG Leong Islamic Bank (HLIB) bakal membuka dua lagi cawangan konsep digital sepanjang tahun ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif HLIB, Raja Teh Maimunah Raja Abdul Aziz berkata, cawangan konsep digital kedua bakal dibuka antara tiga hingga empat bulan lagi di Lembah Klang.

"Manakala satu lagi kemungkinan pada suku ketiga tahun ini.

"Setakat ini, kami mempunyai sembilan cawangan dan dijangka menukarkan kesemua cawangan sedia ada kepada konsep digital pada masa akan datang secara berperingkat," katanya selepas pelancaran cawangan konsep digital HLIB yang pertama di Cyberjaya, semalam.

Menurutnya, membuka cawangan memerlukan modal lebih sedikit berbanding cawangan tradisional, maka bank itu hanya akan membuka cawangan dengan konsep berkenaan pada masa akan datang.

Pada masa sama, Raja Teh Maimunah berkata, impian HLIB adalah bagi memberi kemudahan kepada pelanggan.

Pada Mac tahun lalu, HLIB memperkenalkan pembayaran Ekspres (PEX) iaitu pembayaran tanpa menggunakan kad dan hanya menerusi telefon pintar walaupun bukan pemegang akaun HLIB.

"Sasaran PEX adalah kepada peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi memudahkan mereka menerima dan membuat pembayaran.

"Sejak diperkenalkan kami juga mencatatkan pertumbuhan 62 peratus bagi PEX sahaja," katanya.

Cawangan konsep digital menawarkan teknologi layan diri kepada pelanggan yang inginkan pengalaman perbankan mudah dan cepat.

Anak syarikat Hong Leong Bank Berhad itu ditubuhkan pada 2005 dan sehingga kini mempunyai lebih 800, 000 pelanggan sedia ada.



KERATAN AKHBAR  
THE STAR (VIEWS) : MUKA SURAT 26  
TARIKH: 16 JANUARI 2015 (JUMAAT)



On Your Side by BRIAN MARTIN

@KlangRed

## Out of the floods and into the drought


After the experience of water rationing in Selangor and Kuala Lumpur last year, residents are entitled to question if our taps will run dry again.

**A**s a nation, we have just experienced one of the worst floods in our history.

Communities and families are only just coming to terms with the scale of devastation caused by the floods. The recovery and reconstruction process has already started with the Prime Minister promising that it would not be too long before flood victims' lives return to normal.

Almost RM1bil has already been spent on flood relief efforts, and while the rebuilding process is ongoing, a review of our effectiveness in tackling this seasonal disaster should be conducted because it was obvious that we were not prepared to handle the scale of the floods, especially in the east coast and Pahang.

If we weren't prepared for the heavy rainfall that caused the floods, are we prepared for a prolonged dry spell? The Meteorological Department confirms that the current wet weather will be replaced by the dry season from now until March and probably April, and concerns over floods will now be replaced with concerns over drought and water shortage, especially in the Klang Valley. After the experience of water rationing in Selangor and Kuala Lumpur last year, Malaysians



**Precious resource:** The Sungai Selangor dam supplies water to folks in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya. There is always the possibility of water rationing when the dam level drops too low.

are entitled to question if our taps will run dry again.

To make matters worse, the country is expected to experience the El Nino phenomenon - a weather anomaly that results in global warming. This phenomenon, allied to the dry weather spell, could seriously affect dam levels in the Klang Valley. Lest we forget, the falling dam levels, especially at the Sungai Selangor dam - our main water source - resulted in water rationing last year.

Currently, the Sungai Selangor dam level stands around 74%, a level that, if maintained, would be able to meet the water supply demands of the bulk of the Klang Valley. However, the Association of Water and Energy warns that we could still be at a risk of water rationing.

"The heavy reliance on the Sungai Selangor dam to service more than 50% of consumers in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya will cause water to be used up quickly," said its president S. Piarapakaran, adding

that there would be higher usage by domestic users and industries in preparation for Chinese New Year and Ramadan.

This time last year, pictures of rows and rows of buckets, containers and water trucks were plastered all over *The Star's* pages. No one would wish this scenario to be repeated again.

However, the Selangor government appears confident that there will not be a repeat of the water rationing exercise because they feel the water levels in the Sungai Selangor dam will be able to cater for the Klang Valley population for the rest of the year. This, I believe, is a dangerous assumption to make.

Selangor, together with Syabas, should already be planning a campaign to create awareness on the importance of water conservation. Let us educate consumers about water wastage.

If you wash your car once a week, consider doing it every fortnight. If you take a shower twice a day, consider taking a bath once a day.

If there is a prolonged dry spell, the state government should consider introducing legislation to restrict water usage, similar to certain states in Australia and California

in the United States. Consumers in these countries have been told to stop watering lawns with sprinklers overnight, sweep rather than wash driveways, take shorter showers and flush toilets less frequently.

The state government should also consider other forms of water management, including desalination and rainwater harvesting. We are a nation blessed with abundant rainfall during certain months and the technology is already available to enable us to contain rainwater to be re-used when there is insufficient rainfall.

Cloud seeding should also be carried out in water catchment areas, sooner rather than later. Last year, cloud seeding was used as a last resort but this method ultimately had minimal effect because there weren't suitable clouds available for seeding to be carried out. This precautionary method should be carried out now and in stages to ensure that there is consistent rainfall over dams and water catchment areas.

> Executive Editor Brian Martin's wish for this year is not to see or read about the deployment of water trucks and the stocking up of containers and buckets. Let us all hope for a water rationing-free 2015.



KERATAN AKHBAR  
THE STAR (EVENTS) : MUKA SURAT 28  
TARIKH: 16 JANUARI 2015 (JUMAAT)



Having fun: A Mavcap employee with the children during the shopping trip.

## New attire for pupils

Children from two charitable homes get to pick their school uniforms and shoes

IN CONJUNCTION with the start of the new school year, Malaysia Venture Capital Management Berhad (Mavcap) recently treated 50 children from two charitable homes to go shopping for new school attire as part of its corporate social responsibility (CSR) efforts.

The children, aged 6 to 16, were from Rumah Hope, Cheras and Rumah Anak Yatim Kasih Bestari, Subang.

In partnership with Malaysian Aeon Foundation, Mavcap brought the children to the newly opened Aeon in Quill City Mall, Kuala Lumpur.

With the help of Mavcap and Aeon staff, they enthusiastically picked out and tried on brand-new uniforms and footwear to kick-start their school year.

Mavcap chairman Abdul Rahim Abdul Hamid and chief executive officer Jamaludin

Bujang were also there to spend time with the children and lend a helping hand.

Jamaludin Bujang said, "Mavcap is pleased to be able to give back to those in need and we are committed to making a positive difference in the community through our various CSR efforts."

"It was heart-warming to see the children so excited about school and to see them smile as they tried on their new attire."

"With this initiative, we sincerely hope all the children will have a bright start to the school year."

"We also hope this gesture will help to cultivate a love of learning in the children and boost their confidence to do well in school."

After doing their shopping, the children enjoyed a delicious meal with Mavcap and Aeon staff before heading home.



# Valuation of Earth's biodiversity, ecosystem

## FUTURE WELL-BEING:

It is no small task, with the input of 80 experts representing a range of scientific and traditional knowledge perspectives

**T**HE precipitous decline of biodiversity and the steady, ongoing weakening of life's basic fabric should have set off much louder alarms worldwide than has been the case so far. It is, after all, the webbing in the hammock under humanity.

We're well acquainted now with the startling prospects: one of every eight birds, one of every four mammals and one of every three amphibians is threatened with extinction.

The same is true of six of every seven marine turtles, and of one-third of our reef-building corals. Some 75 per cent of genetic diversity of agricultural crops has been lost, three-quarters of world fisheries are fully or over-exploited. The catalogue goes on.

The surprisingly muted public concern to this existential threat may be attributed in part to biodiversity's slow, gradual decline in human terms (though it has occurred in a blink on planetary and evolutionary time scales).

And the reports and warnings of global biodiversity losses in the past few decades have become so familiar that some may be numbed to the urgency of the problem, or the trend accepted by others as an inevitable course.

Perhaps, most importantly, the value of biodiversity and ecosystem services are commonly and vastly underestimated. Humanity lacks an agreed, systematic process for assessing and determining the many values of biodiversity and nature's services from a high perspective, one that looks beyond narrow and immediate economic

ideas to their importance in biophysical and ecological processes, to cultural, indigenous and social values, and to public health.

How to remedy such a critical shortcoming is among the challenges confronting international experts in Bonn from Jan 12-17 for this year's plenary meeting of the Intergovernmental Platform on Biodiversity and Ecosystem Services (IPBES) — a young organisation modelled on the United Nations climate change-focused Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC).

The Platform was inaugurated in 2012 to provide authoritative, state-of-the-art reports on key scientific and technical aspects of biodiversity and ecosystem services, with specific topics determined by requests from policymakers who need scientifically credible and independent information.

On the table in Bonn is development of a preliminary guide for the valuation of biodiversity and nature's benefits to humankind.

It is no small task, envisioned as a two year assignment for two co-chairs with the input of 80 experts representing a range of scientific and traditional knowledge perspectives. The relevant disciplines include

anthropology, ecology, economics, geography, philosophy, policy, psychology and sociology.

The work involves first looking critically at the strengths, weaknesses and gaps of the valuation approaches and methods used by each scientific field and knowledge system, drawing on peer-reviewed journals, books, national and international assessments, reports by governments, UN bodies, national and international non-governmental organisations and indigenous and local knowledge.

The challenges then include determining how to acknowledge, integrate and bridge diverse concepts and multiple values, the applicability of valuation approaches and methods to decision-making, and an assessment of knowledge and data gaps, uncertainties and capacity-building needs.

The complexity of such an undertaking matches its importance. The work will underpin the Platform's thematic, subregional,

regional and global assessments of terrestrial and marine ecosystems throughout the years to come.

The guide envisioned by IPBES will enable and encourage governments, civil society, indigenous peoples and private sector bodies to consider holistically the cultural, ecological, economic, human health and social values when making decisions that impact biodiversity and nature's ecosystem services, to enlarge perspective assess value based on a mixture of considerations — an interdisciplinary and multidisciplinary approach that incorporates many relevant disciplines, including social and natural sciences.

IPBES has accepted many other comparably difficult major undertakings as well. Operating under the auspices of the UN Environment Programme, the UN Development Programme, Unesco and the Food and Agriculture Organisation, the 123 member nations are meeting for just the third time in plenary.

Other early deliverables include authoritative assessments of potential impacts on global food production due to the decline of bees, of land degradation and restoration, and of invasive species.

It is creating a blueprint for managing global biodiversity-related data and information, a mechanism for working with various knowledge systems and bridging western science and traditional knowledge, and a catalogue of tools and methodologies for supporting policy-making.

In future, the IPBES regional and subregional biodiversity assessments — in Africa, the Americas, Asia-Pacific, Europe and Central Asia — will serve also to build scientific capacity for the effective use of science in decision-making at all levels.

The Platform adds value to the range of organisations already working in this field by filling gaps and building upon their work, and recognises the need for the full and effective participation of developing countries and for balanced regional representation and participation in its structure and work.

The well-being of future generations rests heavily on the success of such efforts. And the success of IPBES rests on the support of a public fully appreciating the importance of preserving life's diversity and protecting nature's life-sustaining ecosystem services.



**Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid**  
is science adviser to the prime minister